

SINAR HARIAN 27/08/14

## Unisza anjur Kejohanan Memanah Terbuka PKS 2014

**KUALA TERENGGANU** – Universiti Sultan Zainal Abidin (Unisza) bakal menganjurkan Kejohanan Memanah Terbuka, Pusat Kecemerlangan Sukan (PKS) 2014 sempena bulan kemerdekaan bermula hari ini sehingga 30 Ogos di kampus utama Unisza, Gong Badak, dekat sini.

Pengarah Pusat Sukan dan Rekreasi Unisza, Riduan Mohamed Arof berkata, kejohanan kali kedua itu terbuka kepada peserta dari seluruh negara, termasuk pasukan jemputan luar negara.

Menurutnya, sehingga kini, hampir 20 pasukan sudah mengesahkan penyertaan melibatkan peserta dari dalam dan luar negara.

“Kejohanan ini sebahagian daripada usaha Unisza selaku PKS dalam usaha melahirkan bakat baharu dan membangunkan sukan memanah negara.

“Selain itu, kejohanan ini juga menjadi medan terakhir untuk pemanah IPT mengumpul merit bagi melayakkan diri mewakili negara ke Kejohanan Sukan Universiti Asean ke-17 yang akan berlangsung di Palembang, Indonesia, Disember depan,” katanya.

Difahamkan, kejohanan menawarkan hadiah keseluruhan berjumlah RM8,000 itu turut mendapat sokongan penuh daripada Bahagian Sukan, Sektor Pengajian Tinggi, Kementerian Pendidikan.